KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	20/1/2022 (KHAMIS)	MUKA SURAT	:	19
JABATAN	:	PERHILITAN			

Polis Johor tahan 2 lelaki disyaki pemburu haram

Johor Bahru: Dua lelaki ditahan selepas disyaki terbabit dalam kegiatan pemburuan haram di kawasan hutan Jalan Batu 16, Jalan Kota Tinggi-Mersing, di sini, semalam.

Ketua Polis Johor, Datuk Kamarul Zaman Mamat, berkata kedua-dua suspek, termasuk seorang warga asing berusia 33 dan 44 tahun diberkas pada jam 11.30 malam.

"Polis dengan kerjasama Jabatan PERHILITAN Kota Tinggi melakukan satu Op Khazanah selepas menerima maklumat berhubung aktiviti pemburu haram di kawasan hutan berkenaan.

"Hasilnya kita memberkas seorang lelaki tempatan dan seorang warga asing, selain selaras senapang patah, lapan butir peluru penabur, klip besi dan batang besi berukuran 12 sentimeter," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Johor, di sini, semalam.

Sementara itu, Kamarul Zaman berkata, hasil pemeriksaan ke atas laras senapang berkenaan mendapati tiada nombor siri atau jenama buatan.

Katanya, senapang itu disyaki dibuat sendiri suspek, selain mereka tidak memiliki lesen berburu.

"Mereka disyaki aktif melakukan kegiatan memburu sejak dua tahun lalu membabitkan haiwan liar termasuk landak, ular sawa, babi hutan," katanya

Katanya, suspek rakyat tempatan ditahan reman empat hari, manakala warga asing ditahan selama 14 hari.

Kes disiasat mengikut Seksyen Seksyen 8 Akta Senjata Api 1960 dan Seksyen 6 (1) (c) Akta Imigresen 1959/63.